

Panduan Permohonan Kemasukan Ke Program Asrama Malaysia Tahun 2023

1. Dasar Pengambilan Murid Asrama Malaysia

- i. Pengambilan Murid Asrama Malaysia terbuka kepada semua kaum dan etnik yang terdapat di Malaysia (Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain).
- ii. Permohonan Asrama Malaysia ke Tingkatan 1 terbuka kepada murid Tahun 6 pada tahun 2022 dari SK, SJKT dan SJKC di seluruh negara.
- iii. Jawatankuasa Pemilihan Murid Asrama Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan pemilihan murid. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.

2. Syarat Permohonan

- i. Terbuka kepada semua Warganegara Malaysia sahaja.
- ii. Terbuka kepada semua kaum.
- iii. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang berpotensi daripada keluarga yang berpendapatan rendah atau sederhana.
- iv. Sekiranya murid keluar dari Program Asrama Malaysia (Keluar Asrama) pihak sekolah berhak mengambil tindakan mengeluarkan murid tersebut daripada sekolah Asrama Malaysia sekiranya saluran kemasukan adalah melalui tawaran ke Program Asrama Malaysia KPM.
- v. Setiap permohonan hendaklah disertakan SATU salinan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - a) Sijil lahir/Kad Pengenalan permohonan dan ibu bapa.
 - b) Keputusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) 2022 bagi permohonan ke Tingkatan 1.
 - c) Sijil-sijil Akademik, Kokurikulum dan sijil-sijil lain.
 - d) Slip Gaji/Penyata Pendapatan ibu bapa/penjaga, atau pengesahan oleh Pesuruhjaya Sumpah/Ketua Kampung/Penghulu sekiranya tiada slip gaji.
 - e) Dokumen sokongan untuk ibu atau bapa tunggal (jika berkaitan).
 - f) Dokumen sokongan hak penjagaan anak sekiranya ibu bapa bercerai (jika berkaitan).

***Peringatan: Permohonan tanpa perkara (a) dan (b) TIDAK AKAN DIPROSES.**

3. Proses Permohonan

- i. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Program Asrama Malaysia KPM dan menyediakan salinan dokumen yang diperlukan dengan lengkap dan telah disahkan.
- ii. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- iii. Pemohon perlu memilih sekolah daripada senarai sekolah yang ada untuk ditempatkan bagi mengikut program Asrama Malaysia.
- iv. Permohonan bagi murid semenanjung untuk mengikuti Program Asrama Malaysia di Sabah atau Sarawak adalah digalakkan namun kos pengangkutan murid ke Sabah atau Sarawak adalah tanggungan sendiri.
- v. Pemohon perlu mendapatkan tandatangan Guru Besar atau pentadbir sekolah semasa pemohon untuk pengesahan sebelum menghantar borang permohonan.
- vi. Pentadbir perlu memastikan borang permohonan lengkap diisi dan disertakan dengan dokumen yang telah disahkan.
- vii. Borang permohonan berserta salinan dokumen yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada Asrama Malaysia pilihan pertama sahaja.
- viii. Tarikh tutup penghantaran Borang Permohonan Program Asrama Malaysia KPM 2023 bagi murid Tingkatan 1 adalah pada **10 Februari 2023**.

4. Proses Penempatan dan Rayuan

- i. Semua Permohonan ke Asrama Malaysia yang berjaya akan dimaklumkan melalui surat tawaran Asrama Malaysia.
- ii. Semua pemohon yang berjaya perlu mengesahkan penerimaan kemasukan ke Asrama Malaysia dengan menghubungi sekolah yang ditawarkan seperti dalam surat tawaran.
- iii. Pemohon yang berjaya wajib melapor diri ke Asrama Malaysia yang ditetapkan pada tarikh yang dimaklumkan dalam surat tawaran. Pemohon yang tidak melapor diri dalam tempoh yang ditetapkan akan dibatalkan tawaran penempatan ke sekolah yang dipilih.
- iv. Pemohon yang tidak dihubungi atau tidak menerima surat tawaran selepas **21 Mac 2023** dianggap tidak berjaya. Pemohon yang tidak berjaya boleh membuat rayuan dengan mengemukakan surat rayuan kepada Asrama Malaysia pilihan pertama.